

Tradisi rumah terbuka medan untuk eratkan hubungan semua peringkat

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR
nikjasni.ub@gmail.com

MAJLIS rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri Universiti Malaysia Sabah (UMS) boleh dijadikan medan terbaik untuk pihak pengurusan beramah mesra dengan kakitangan di semua peringkat.

Pengerusi Penganjur, Mej.(K) Abdullah Hj Mohd Said berkata aktiviti santai seperti ini mampu memupuk ikatan kekeluargaan yang lebih kukuh dan meningkatkan semangat berpasukan.

Beliau yang juga Pendaftar UMS berkata, ini sekaligus menjadikan kakitangan lebih komited dedikasi dalam melaksanakan agenda pembangunan organisasi.

“Ini merupakan inisiatif setiap tahun bertujuan menyatupadukan semua

peringkat dalam institusi ini yang sibuk dengan hal masing-masing.

“Dengan menghadiri majlis seperti ini, hubungan kekeluargaan dan komitmen dalam kalangan pensyarah dan pentadbir dapat dimantapkan,” katanya ketika berucap di Majlis Sambutan Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri UMS, di Dataran Dewan Canselor, kelmarin.

Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri, Tun Datuk Seri Panglima Ahmadshah Abdullah yang juga merupakan Canselor UMS merupakan tetamu kehormat di majlis itu.

Abdullah menambah, sudah menjadi tradisi di negara ini setiap perayaan besar disambut secara bersama-sama.


“Selain menjadi platform menjana ilmu, ia juga merupakan medan untuk

memberi sumbangan kepada rakyat,” katanya.

Justeru, beliau menyeru para pensyarah dan kakitangan bukan akademik agar dapat meningkatkan keakraban yang sudah sedia terjalin.

Pada majlis yang sama, Tuan Yang Terutama turut menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Gerai Majlis Rumah Terbuka yang didahului Perpustakaan di tempat pertama yang menerima RM1,000 dan Sekolah Pengajian Seni (SPS) di tempat kedua (RM700) serta Jabatan Pendaftar di tempat ketiga (RM500).

Sebanyak 32 jabatan, sekolah, pusat, institut dan unit termasuk PALAPES, SUKSIS, Majlis Perwakilan Pelajar dan UMS Kampus Antarabangsa Labuan telah menyertai pertandingan berkenaan.



GERAI TERBAIK...Abdullah (tengah) bersama Naib Canselor UMS, Brig.Jen.Prof Datuk Seri Panglima Kamaruzaman Ampon (kanan) mengiringi Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Panglima Ahmadshah Abdullah (dua kanan) menyampaikan hadiah kepada wakil Perpustakaan yang merupakan pemenang tempat pertama Pertandingan Gerai Majlis Hari Raya.